



**NORLIDA dan Kasim kelihatan kususyuk mendengar ceramah perdana yang disampaikan oleh Ustaz Kazim.**

## Kira-kira 2, 000 hadiri Ceramah Perdana Ustaz Kazim di UMS

UB 8.6.2014 A2

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**

**KOTA KINABALU:** Kira-kira 2, 000 orang membanjiri Dewan Canselor di sini kelmarin bagi mendengar Ceramah Perdana yang disampaikan oleh penceramah terkenal, Ustaz Kazim Elias.

Ceramah Perdana 'Hikmah di sebalik cabaran dan dugaan hidup' itu adalah anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) cawangan Sabah dan Jawatankuasa Kebajikan Islam MAS/

MASWings.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam ucapan perasmiannya berkata, penganjuran program seumpama itu amat dialu-alukan dan beliau berharap program sebegitu akan diteruskan lagi pada masa akan datang.

"Saya berharap dengan kehadiran Ustaz Kazim ke UMS buat pertama kali ini akan merintis ceramah-ceramah beliau di UMS pada masa akan hadapan," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan

Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur.

Turut hadir dalam ceramah perdana berkenaan adalah isteri Yang Dipertua Negeri Sabah Toh Puan Norlida R.M Jasni dan mantan Ketua Pegawai Eksekutif MASWings Kapten Datuk Mohd Nawawi Awang.

Ceramah Perdana yang berlangsung kira-kira 1 jam 30minit itu diadakan sempena menyambut kedatangan Ramadan yang dijangka bermula pada hujung bulan ini.



**ANTARA** orang ramai yang membanjiri Dewan Canselor UMS semasa ceramah perdana itu diadakan.